

PROGRAM TRANSFORMASI MINDA SIRI 3 TAHUN 2024

KUANTAN, 21 Ogos 2024 – Unit Modal Insan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang telah menganjurkan Program Transformasi Minda (PTM) Siri 3 Tahun 2024 bertempat di Cherengin Hills Convention & Spa Resort Janda Baik, Bentong, Pahang Darul Makmur. Kursus ini berlangsung selama tujuh (7) hari bermula 10 Ogos 2024 (Sabtu) hingga 16 Ogos 2024 (Jumaat) yang dihadiri oleh 120 orang peserta kursus daripada pelbagai Unit, Bahagian, dan Jabatan seluruh negeri Pahang. PTM merupakan satu *platform* pendedahan kepada penjawat awam yang berada pada peringkat awal pelantikan iaitu dalam tempoh percubaan bagi memberikan pendedahan kepada pegawai mengenai konsep kenegaraan, prinsip dan falsafah pembentukan negara, sistem pentadbiran kerajaan serta peraturan-peraturan asas perkhidmatan awam.

Selain itu, objektif PTM adalah untuk memupuk sifat keperibadian seseorang individu, jati diri dan nilai patriotisme pegawai agar lebih berketerampilan dan berkemampuan dalam menyesuaikan diri dalam perkhidmatan awam. Bukan itu sahaja, kepentingan PTM ini juga dapat menerapkan nilai budaya kerja cemerlang supaya pegawai dapat memberikan penyampaian perkhidmatan dengan cekap serta berkesan dan juga melahirkan pegawai minda kelas pertama selaras dengan matlamat ke arah negara maju.

Selain daripada pembelajaran dalam kelas, peserta juga melakukan aktiviti sosial melalui program *Corporate Social Responsibility (CSR)* yang melibatkan beberapa pihak iaitu daripada *Tourism Pahang*, Pejabat Daerah Bentong, Majlis Perbandaran Bentong dan Penghulu Mukim Bentong 1 bagi menghasilkan beberapa video kreatif untuk mempromosikan tempat pelancongan di Kampung Janda Baik. Antara tempat yang terpilih adalah Istana Lemuni, IOI Resort, *Benefigs Farm* dan lain-lain lagi.

Video kreatif yang telah dihasilkan oleh peserta semasa program CSR akan dijadikan sebagai bahan promosi di kawasan daya tarikan pelancongan yang terdapat di Kampung Janda Baik oleh pihak-pihak yang berkaitan.

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang sentiasa komited dan bersemangat dalam menjayakan program PTM mengikut takwimnya sebanyak empat (4) kali setahun bertempat di seluruh negeri Pahang.

Disediakan oleh Unit Modal Insan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

**#MajuTerusPahang
#Pahang1st
#KerajaanNegeriPahang**

Oleh : Nina Mohamed

Foto : Faris Ibrahim